

02 OCT 2003

OIC-IT

CABARAN GLOBALISASI KEPADA NEGARA ISLAM DIBENTANG PADA PERSIDANGAN SAINS DAN IT OIC

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Seramai 200 pembuat dasar dan pakar teknologi maklumat dari neagra-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan menyertai satu persidangan di sini mulai Selasa ini bagi merangka dasar dan strategi untuk membolehkan negara-negara Islam berdepan dengan cabaran globalisasi.

Pengerusi penganjur Datuk Dr Salleh Mohd Noor berkata persidangan empat hari itu akan memberi tumpuan kepada dasar dan keutamaan dalam bidang sains dan teknologi, meningkatkan keupayaan selain menetapkan kaedah bagi pembangunan perindustrian dan ekonomi negara-negara Islam.

"Kita perlukan pelbagai inisiatif untuk menangani cabaran globalisasi dan kepantasan kemajuan teknologi," katanya dalam satu kenyataan.

Salleh berkata cabaran-cabaran ini menawarkan peluang dan juga risiko, dan untuk berjaya, negara-negara anggota perlu mempunyai kemampuan merangka dan memunuhi permintaan dalam persekitaran yang baru.

Beliau berkata bahawa untuk mencapai matlamat itu bukannya mudah memandangkan negara-negara anggota lemah dalam bidang sains dan teknologi.

"Namun, dengan komitmen, kesungguhan dan semangat baru untuk bekerjasama, dunia Islam akan dapat mengembalikan kegemilangannya dengan menguasai sains dan teknologi," kata Salleh.

Penceramah pada persidangan itu termasuk Pengerusi Pendidikan Tinggi Pakistan, Prof Atta-Ur-Rahman, dan presiden Bandar Raya Sains Dan Teknologi Raja Abdul Aziz di Saudi Arabia, Prof Saleh Al-Athel.

Di akhir persidangan itu, semua usul akan diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kepada sesi sumbang saran Menteri-menteri Luar OIC pada 13 dan 14 Okt.

Sesi berkenaan akan menyediakan input untuk Deklarasi Putrajaya, yang kemudiannya akan diterima dan diisytiharkan oleh ketua-ketua negara pada Sidang Kemuncak ke-10 OIC pada 17 dan 18 Okt.

-- BERNAMA
MOT AHH MAI